



NOTA PERCAKAPAN

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

SEMPENA

MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA WARGA INTIM

27 JULAI 2013 (SABTU), 6.00 PETANG

INTAN KAMPUS WILAYAH TIMUR, KEMAMAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Transformasi dan Salam
“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan”.**

Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Sharifah Zarah binti
Syed Ahmad**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Pembangunan)**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Ismail Alias
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Operasi)**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Halim Man
Pengarah INTAN**

Tuan Haji Ab. Rahman bin Che Hamad

Pengarah INTAN Kampus Wilayah Timur

**Tuan-Tuan, Puan-Puan Warga INTIM yang saya
kasihi sekalian.**

ALU-ALUAN

Menyatakan rasa kesyukuran kerana dapat bersama-sama untuk berkenalan dan beramah mesra dengan Warga INTIM. Mengucapkan Salam Ramadhan kepada Warga INTIM.

SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

- **Sentiasa memerlukan kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi daripada semua Warga JPA termasuk Warga INTIM.**

Dr. Meredith Belbin dalam Human Resource

Management International Digest 2013 ada menyebut: “Teamwork makes the team work.”

- **Warga JPA dan Warga INTIM perlu menjadi lebih anjal atau fleksibel dalam menangani cabaran ke arah menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Keupayaan di JPA untuk menangani cabaran-cabaran tersebut merupakan penentu kepada kelangsungan atau survival perkhidmatan awam.**

- **Sejarah terdahulu telah mengajar kita bahawa mana-mana perkhidmatan awam yang tidak berupaya berfungsi selaras dengan aspirasi dan cita-cita pelanggan, maka ia akan menjadi tidak signifikan dan tenggelam di bawa arus zaman.**

KERANGKA KERJA TRANSFORMASI

- **Kunjungan sulung ke INTIM ini adalah sebahagian daripada engagement dan turun padang yang dirangka bagi menjayakan usaha besar untuk mentransformasikan JPA.**

 - **Amat mengalu-alukan pandangan, buah fikiran, kritikan membina dan cadangan daripada seluruh Warga JPA supaya apa yang kita rencanakan dalam Kerangka Transformasi JPA kelak akan benar-benar difahami dan bersifat komprehensif.**

 - **Lima teras strategik yang digariskan untuk proses transformasi JPA iaitu**
 - i. **Pertama. Meremajakan JPA - meningkatkan kompetensi, prestasi,**

produktiviti dan daya inovasi penjawat awam;

- ii. Kedua. Merekayasa - meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi;**
- iii. Ketiga. Merakyatkan - meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan;**
- iv. Keempat. Keterangkuman - memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik (multiple-helix) dalam dan luar negara; dan**
- v. Yang kelima. Nilai bersama - membudayakan patriotisme, nilai-nilai murni, etos dan integriti.**

- **Lima teras strategik yang digariskan adalah untuk mencapai Lima Bidang Keberhasilan Utama yang ditetapkan iaitu**
- i. **Pertama: penjawat awam yang bertenaga, berilmu, berwibawa, kompeten, inovatif dan produktif;**
 - ii. **Kedua: organisasi yang dinamik, kejat, terbuka, tangkas dan berkeupayaan tinggi;**
 - iii. **Ketiga: penyampaian perkhidmatan awam yang cepat, tepat, berkualiti, proaktif dan responsif;**
 - iv. **Keempat: keputusan bersama dan rasa sepunya berdasarkan kepelbagaian perspektif; dan**
 - v. **Kelima: cintakan negara, daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti.**

MENANGANI MEREKA YANG ENGGAN

BERTRANSFORMASI

- **Yakin bahawa idea transformasi boleh dilaksanakan dengan jayanya. Kadang kala, idea tersebut sering diperlekeh atau diberi maklum balas negatif.**

- **Berkongsi pandangan seorang penulis, John P. Kotter dalam buku beliau yang bertajuk “Buy In” yang menyatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh mengugat atau mematikan sesuatu idea yang baik.**

Yang pertama: mereka yang enggan berubah akan mewujudkan rasa takut, risau atau khuatir atau fear mongering dalam kalangan massa.

Yang kedua: mereka yang enggan berubah akan mencipta kelambatan atau delaying dalam mengambil tindakan ke atas sesuatu yang telah diputuskan.

Yang ketiga: mereka yang enggan berubah akan mewujudkan kecelaruan atau confusion dalam memastikan apa yang telah dirancang atau diputuskan tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

- **Kesemua perkara yang disebutkan tadi perlu dielakkan dan sekira ia wujud dalam kalangan Warga JPA hendaklah ditangani dengan baik supaya idea transformasi ini tidak terkubur dengan sendirinya. Sedar bahawa usaha melakukan transformasi ini bukanlah sesuatu yang mudah tetapi ia tidak mustahil untuk kita realisasikan.**

PERANAN SETIAP WARGA

- **Setiap daripada warga mempunyai peranan dan perlu menjalankan peranan tersebut berdasarkan keupayaan masing-masing. Dalam keadaan ini, tiada yang tertinggal dan masing-masing menyumbang kepada keberkesanan proses transformasi JPA. Ini seperti yang disimpulkan melalui ungkapan yang dinukilkan dalam Hikayat Malim Deman,**

**“Yang pekak membakar meriam
Yang buta menghembus lesung
Yang lumpuh menghalau ayam
Yang pendek tinjau meninjau
Yang kurap memikul buluh.”**

- **Pengharapan agar semua perancangan dapat direalisasikan untuk menjadikan JPA sebagai sebuah pusat kecemerlangan terbaik di dunia**

**dalam pengurusan sumber manusia
perkhidmatan awam.**

PENUTUP

**Mengambil kesempatan untuk mengucapkan
Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri.**

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaratuh.
Terima kasih.**